

Kerjasama DHU, UMP mampu maju industri automotif

HARIAN METRO (SETEMPAT) 30/11/15 m/s 34

Pekan: Kerjasama Universiti Automotif DRB-HICOM Malaysia (DHU) dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mampu memainkan peranan memajukan industri automotif dan ekonomi negara.

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berkata, dua universiti itu memiliki kelebihan dan kepakaran tersendiri yang boleh digunakan untuk memaksimumkan keupayaan masing-masing.

"DRB-HICOM memang sudah ada dalam industri automotif dan ini boleh diambil oleh UMP untuk meningkatkan peranannya dalam industri."

"Dijangkakan kereta akan datang lebih berteknologi

hijau dan kerjasama dua universiti ini dapat menghasilkan produk mampu bersaing di peringkat antarabangsa," katanya dalam sidang media selepas diberi taklimat dan mengadakan lawatan rasmi ke DHU, di sini, semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Idris berkata, DHU mencatatkan sesuatu membanggakan apabila mendapat status universiti dalam tempoh agak singkat hasil usaha dijalankan.

"Saya percaya universiti yang terletak di hab automotif di Pekan dapat memaksimumkan industri automotif selain melahirkan pelajar dengan peratusan mendapat kerja 100 peratus," katanya.